

Tingkatan 3: Bab 7 Malaysia yang Berdaulat 独立的马来西亚

7.1 Gagasan Persekutuan Malaysia 马来西亚联邦概念

1. Gagasan Persekutuan Malaysia adalah cadangan untuk menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah, dan Brunei dalam sebuah kerajaan persekutuan yang dinamakan Persekutuan Malaysia.

马来西亚联邦概念是建议结合马来亚，新加坡，砂劳越，沙巴和汶莱在成被称为马来西亚联邦的联邦政府。

7.1.1 Idea Pembentukan Persekutuan Malaysia 成立马来西亚联邦的主意

1. Idea pembentukan Persekutuan Malaysia bukanlah sesuatu yang baru. Ura-ura untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan wilayah British yang lain telah kedengaran sejak akhir kurun ke-19 lagi.

形成马来西亚联邦的主意不是一个新的事情。自 19 世纪末期就开始听说，合并马来亚与其他英国殖民地的会谈。

2. Perkara ini berterusan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

这件事情一直持续到马来亚取得独立。

3. Pemimpin Singapura seperti David Marshall, Lim Yew Hock, dan Lee Kuan Yew pernah mengemukakan cadangan untuk menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.

新加坡领袖，比如 David Marshall，林有福，李光耀曾经提出合并新加坡和马来亚的建议。

4. Walaupun begitu, Tunku Abdul Rahman tidak berminat dengan cadangan tersebut.

然而，东姑阿都拉曼对这项建议不感兴趣。

7.1.2 Cadangan Tunku Abdul Rahman 东姑阿都拉曼的建议

1. Setelah berjaya membebaskan Persekutuan Tanah Melayu daripada penjajahan British, Tunku Abdul Rahman seterusnya berusaha untuk membebaskan Sarawak, Sabah, Singapura, dan Brunei.

自从成功从英国殖民释放马来亚，东姑阿都拉曼过后努力释放砂劳越，沙巴，新加坡和汶莱。

2. Untuk merealisasikan usaha tersebut, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan gagasan Malaysia, iaitu penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Sarawak, Sabah, dan Brunei bagi membentuk sebuah Persekutuan Malaysia.

为了实现这项努力，东姑阿都拉曼提出成立马来西亚概念，那就是合并马来亚，新加坡，砂劳越，沙巴和汶莱以形成一个马来西亚联邦。

3. Gagasan tersebut telah dikemukakan dalam suatu majlis makan tengah hari Persatuan Wartawan-Wartawan Luar Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961. Dalam majlis itu, Tunku menyatakan:

这个概念于 1961 年 5 月 27 日在新加坡的阿德菲酒店举办的东南亚外国记者协会中饭宴席中提出。在这宴席中，东姑阿都拉曼说：

“...Lambat laun Tanah Melayu harus bersefahaman dengan Britain dan rakyat-rakyat Singapura, Borneo Utara, Brunei, dan Sarawak. Adalah agak terlalu awal untuk saya menyebutkan cara bagaimana persefahaman itu dapat dicapai, namun tidak dapat dielakkan bahawa kita perlu mencapai objektif ini dan memikirkan satu rancangan bagaimana wilayah-wilayah ini dapat dibawa kepada satu kerjasama politik dan ekonomi yang rapat.”

“...马来亚迟早要与英国和新加坡，北婆罗洲，汶莱和砂劳越人民互相理解。我说理解怎样可以实现视乎有点太早了，然而，它是不可避免的，我们要实现这一目标，并想出一个计划，这些领域如何能够形成政治和经济密切的合作。”

4. Ucapan Tunku ini dianggap sebagai idea gagasan Malaysia. Tidak seperti idea gagasan Malaysia sebelumnya, idea Tunku Abdul Rahman mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pemimpin negeri-negeri yang terbabit.

东姑的演讲被认为是形成马来西亚的想法。不同于以往的马来西亚概念的主意，东姑阿都拉曼的主意得到有关国家领导人的热烈响应。

5. Pada bulan Julai 1961, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ditubuhkan.

1961年7月，马来西亚团结咨询委员会（JPPM）成立。

6. JPPM mengadakan rundingan dengan pemimpin negeri-negeri yang terlibat sebagai langkah awal ke arah merealisasikan gagasan Malaysia.

作为实现马来西亚概念的第一步骤，**JPPM** 与有关国家领导人举行会谈。

7. JPPM kemudiannya mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Cobbold. Tiga bulan kemudiannya, Tunku Abdul Rahman membawa usul gagasan Malaysia di Dewan Rakyat.

JPPM 过后建议成立 **Cobbold** 委员会。三个月后，东姑阿都拉曼把马来西亚概念动议带到国会下议院。

8. Kira-kira dua tahun kemudiannya, gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman ini telah dapat direalisasikan apabila Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963.

大约两年后，东姑阿都拉曼建议的马来西亚概念得以实现当马来西亚于 **1963年9月16日** 宣布成立。

9. Kejayaan Tunku Abdul Rahman menggabungkan beberapa negeri dalam sebuah persekutuan dengan kaedah diplomasi sukar dilakukan oleh pemimpin negara lain di dunia. Malah idea-idea penggabungan oleh pegawai tinggi British sebelumnya menemui kegagalan.

东姑阿都拉曼的成功以外交方式结合几个州成为一个联邦国是世界上其他国家领导人难以做到的事。即使是英国官员早前主张的合并也失败了。

| | |
|------|---|
| 1961 | Tunku Abdul Rahman mengemukakan gagasan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura. 东姑阿都拉曼在新加坡的 Adelphi 酒店提出马来西亚概念。 |
| 1960 | Ketua Menteri Singapura mencadangkan Singapura bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu. 新加坡首席部长建议新加坡与马来亚联邦合并。 |
| 1957 | Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu memperuntukkan kewujudan persekutuan yang lebih besar. 马来亚联邦宪法提供给更大的联邦。 |
| 1956 | Pegawai Tanah Jajahan British pernah mencadangkan penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara, dan Brunei. 英国殖民官员曾建议合并马来亚，新加坡，砂劳越，北婆罗州及汶莱。 |
| 1949 | Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi British mencadangkan penggabungan Malaysia. Malcolm MacDonald ，英国高级专员提议合并马来西亚。 |
| 1887 | Lord Brassey, pengarah SBUB mencadangkan penggabungan dengan Tanah Melayu. Lord Brassey ， SBUB 董事提议与马来亚合并。 |

有关建议成立马来亚联合邦理念的时间轴

7.1.3 Matlamat Pembentukan Malaysia 成立马来西亚的目的

1. Pembentukan Persekutuan Malaysia akan mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, dan keharmonian sosial di kalangan negara anggota.

马来西亚的成立将令成员国之间建立稳定的政治，繁荣的经济以及和谐的社会。

2. Secara ringkas, matlamat pembentukan Persekutuan Malaysia adalah seperti rajah berikut.

简单来说，马来西亚的形成的目标就是，如下图所示。

Matlamat pembentukan Persekutuan Malaysia 成立马来西亚的目的

- Mempercepatkan kemerdekaan 加速独立
- Keseimbangan kaum 种族平衡
- Memajukan sosioekonomi 发展社会经济
- Keselamatan dan kestabilan negara 国家治安和稳定

3. Saiz Singapura serta jumlah penduduk Sarawak, Sabah, dan Brunei yang terlalu kecil menyukarkan negeri-negeri tersebut untuk mendapatkan kemerdekaan secara bersendirian daripada British. Singapura, Sarawak, Sabah, dan Brunei akan merdeka apabila Persekutuan Malaysia dibentuk. Ini adalah kerana Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi tunjang kepada pembentukan Persekutuan Malaysia sudah mencapai kemerdekaan.

新加坡的规模（大小）以及砂劳越，沙巴和汶莱的人口数目太小导致这些区域很难争取脱离英国单独独立。当成立马来西亚，新加坡，砂劳越，沙巴和汶莱将可以独立。这是因为成为马来西亚联邦骨干的马来亚联邦已经得到独立。

4. Sebelum Persekutuan Malaysia diperluaskan ke Sarawak, Sabah, dan Brunei, Persekutuan Malaysia lebih dikaitkan dengan gabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura. Walaupun begitu, timbul masalah kepada kadar penduduk bumiputera. Kemasukan Sarawak, Sabah, dan Brunei akan menyeimbangkan penduduk bumiputera dalam Persekutuan Malaysia yang akan dibentuk. Keseimbangan kaum penting untuk menjamin masa depan politik Persekutuan Malaysia.

在联盟延伸到砂劳越，沙巴和汶莱之前，马来西亚联邦比较偏向于马来亚联邦与新加坡的合并。尽管如此，却出现原居民比例的问题。砂劳越，沙巴及汶莱的进入将平衡形成马来西亚联邦过后的原居民比例。种族平衡是至关重要，以确保马来西亚联邦未来的政治。

5. Pembentukan Persekutuan Malaysia akan memajukan sosioekonomi negeri-negeri yang menganggotainya. Kawasan pasaran ekonomi yang luas dapat diwujudkan di samping sumber tenaga manusia serta sumber asli di kalangan negeri anggota dapat disatukan.

成立马来西亚联邦将发展成员国的社会经济。可以打造广泛的经济市场区域，此外，成员国之间的人力资源和自然资源也可以联合统一。

6. Pembentukan Persekutuan Malaysia dapat menghapuskan sekatan cukai di kalangan negeri anggota dan memudahkan usaha untuk menarik pemodal dari luar. Semua ini akan memajukan taraf hidup rakyat khususnya di Sarawak, Sabah, dan Brunei.

成立马来西亚联邦可以消除各成员国之间的税收约束，并促进努力以吸引外国投资者。这一切都将提高人民的生活水平，特别是在砂劳越，沙巴和汶莱。

7. Pembentukan Persekutuan Malaysia dapat menghapuskan pengaruh komunis di Sarawak dan Singapura. Pengaruh komunis di Singapura boleh membahayakan Persekutuan Tanah Melayu.

成立马来西亚联邦可以消灭砂劳越和新加坡的共产党。新加坡共产党的影响力危害到马来亚联邦。

8. Persekutuan Tanah Melayu mempunyai banyak pengalaman dalam membanteras penganas komunis semasa zaman darurat. Pembentukan Persekutuan Malaysia dapat menjamin keselamatan dan kestabilan di kalangan negeri anggota.

马来亚联邦在紧急状态（**zaman darurat**）时有很多打击共产党的经验。成立马来西亚联邦可以确保成员国的治安和稳定。

7.2 Reaksi terhadap Pembentukan Persekutuan Malaysia 对成立马来西亚联邦的反应

1. Terdapat pelbagai reaksi terhadap cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia dari negeri terlibat dan negara luar.

有关国家和其他国家对于成立马来西亚联邦的建议有不同的反应。

7.2.1 Negeri-negeri Terlibat 有关国家

A. Tanah Melayu 马来亚

1. Gagasan Persekutuan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman mendapat reaksi yang positif daripada parti politik di Tanah Melayu.

东姑阿都拉曼建议的马来西亚联邦的概念得到了马来亚政党的正面反应。

2. Walaupun penduduk Tanah Melayu pada umumnya menerima prinsip gagasan Persekutuan Malaysia, namun terdapat perbezaan pendapat tentang cara pelaksanaannya.

虽然马来亚人民大致上接受马来西亚联邦概念的原理，然而对如何实行却有不同意见。

3. Parti Buruh mencadangkan agar gabungan antara Tanah Melayu dengan Singapura dilaksanakan dahulu sebelum diperluas ke Sarawak, Sabah, dan Brunei.

劳工党建议马来亚先与新加坡合并，然后再延伸到砂劳越，沙巴和汶莱。

4. Parti PAS menentang penyertaan Singapura dalam Malaysia kerana akan menyebabkan peratus penduduk Melayu menjadi semakin kecil.

马来西亚回教党反对新加坡加入马来西亚因为将导致马来人的巴仙率变得比较小。

5. Parti PAS menentang pemberian hak menentukan dasar pelajaran sendiri seperti yang dituntut oleh Singapura. PAS juga mencadangkan pembentukan Melayu Raya yang merangkumi Indonesia.

马来西亚回教党反对新加坡要求的那样，给予新加坡自己决定教育政策的权力。马来西亚回教党也建议建立包括印尼的马来帝国。

B. Singapura 新加坡

1. Gagasan Malaysia turut mendapat reaksi positif daripada parti politik di Singapura. Parti Tindakan Rakyat (PETIR) pimpinan Lee Kuan Yew mengalu-alukan gagasan Persekutuan Malaysia kerana gagasan ini dapat menyelamatkan parti tersebut daripada kehilangan pengaruh kepada parti-parti berhaluan kiri.

马来西亚概念得到新加坡政党的正面反应。李光耀带领的人民行动党（PETIR）欢迎马来西亚联邦概念因为这个概念可以拯救这个政党因左派政党而失去影响力。

2. Walaupun begitu, gagasan Persekutuan Malaysia mendapat tentangan daripada Barisan Sosialis yang berhaluan kiri.

尽管如此，马来西亚联邦概念受到左派的社会主义阵线（Barisan Sosialis）的反对。

3. Barisan Sosialis dan Parti Rakyat Singapura menganggap gagasan Malaysia sebagai satu rancangan Britain mengekalkan pengaruhnya. Sebenarnya, Barisan Sosialis dan Parti Rakyat Singapura bimbang pembentukan Persekutuan Malaysia akan menguatkan kedudukan PETIR yang merupakan musuh politiknya.

社会主义阵线（Barisan Sosialis）和新加坡人民党（Parti Rakyat Singapura）认为马来西亚概念是英国维持它的势力的计划。事实上，社会主义阵线和新加坡人民党担心成立马来西亚联邦将加强它的政治对手 PETIR 的地位。

4. Kerajaan Singapura kemudiannya mengadakan referendum bagi meninjau pendapat penduduk Singapura sama ada ingin menyertai Persekutuan Malaysia atau sebaliknya.

新加坡政府过后举行全民公决以调查新加坡居民的意见，是否要加入马来西亚联邦或则是相反的。

5. Hasil referendum menunjukkan penduduk Singapura menyokong untuk bergabung membentuk Persekutuan Malaysia.

全民公决的结果显示新加坡居民支持合并成立马来西亚联邦。

C. Sabah 沙巴

1. Di Sabah, reaksi terhadap gagasan Persekutuan Malaysia dapat dilihat dengan munculnya beberapa parti politik baru untuk menyalurkan pendirian rakyat terhadap gagasan Persekutuan Malaysia.

从几个新的政党表达出人民对马来西亚联邦概念的立场，可以看出沙巴对马来西亚联邦概念的反应。

2. Pendirian parti politik di Sabah terhadap gagasan Persekutuan Malaysia pada peringkat awal adalah seperti jadual berikut:

早期沙巴政党对马来西亚联邦概念的立场，如以下表格：

| Parti politik di Sabah 沙巴的政党 | Pendirian 立场 |
|--|--|
| Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO) 全国卡达山人统一机构（卡统） | Menyokong. 支持。 |
| Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) 沙巴国民统一机构（沙统） | Menyokong. 支持。 |
| Parti Bersatu 联合党 | Menyokong dengan syarat Sabah merdeka terlebih dahulu. 支持，条件是沙巴先独立。 |
| Parti Demokratik 民主党 | Menyokong dengan syarat Sabah merdeka terlebih dahulu. 支持，条件是沙巴先独立。 |

| | |
|----------------------|---|
| Pasok Momogun 巴索党 | Menentang kerana Sabah perlu bersatu dengan Sarawak dan Brunei. 反对因为沙巴应该和砂劳越和汶莱合并。 |
|----------------------|---|

3. Kesemua parti politik tersebut akhirnya menyokong Sabah menyertai gagasan Persekutuan Malaysia dengan bergabung membentuk Perikatan Sabah. Perikatan Sabah diketuai oleh Donald Stephens dan Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.

全部政党最后结盟建立沙巴联盟（**Perikatan Sabah**）并支持沙巴加入马来西亚联邦概念。沙巴联盟由 **Donald Stephens** 和 **Tun Datu Mustapha bin Datu Harun** 率领。

4. Perikatan Sabah yang menyokong gagasan Persekutuan Malaysia telah memenangi pilihan raya Majlis Daerah yang pertama pada tahun 1962. Kemenangan ini menunjukkan kesepakatan rakyat Sabah untuk menyertai Malaysia.

支持沙巴加入马来西亚联邦概念的沙巴联盟（**Perikatan Sabah**）赢得于 1962 年第一次的区议会选举。这场胜利显示沙巴人民的同意加盟马来西亚。

D. Sarawak 砂劳越

1. Reaksi terhadap gagasan Persekutuan Malaysia di Sarawak dapat dilihat menerusi parti-parti politik. Pendirian awal parti-parti politik di Sarawak adalah seperti jadual berikut:

砂劳越对马来西亚联邦概念的立场可以通过政党看到。砂劳越政党早期的立场，如以下表格：

| Parti politik di Sarawak 砂劳越的政党 | Pendirian 立场 |
|--|---|
| Parti Negara Sarawak (PANAS) 砂劳越国家党 | Menyokong walaupun sebelumnya menentang. 支持，虽然之前是反对的。 |
| Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) 砂拉越国民党 | Menentang dan akhirnya menyokong. 反对，最后支持。 |
| Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) 砂拉越人联党 | Menentang kerana Sarawak perlu bersatu dengan Sabah dan Brunei. 反对因为砂劳越应该和沙巴和汶莱合并。 |
| Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) 砂拉越土著阵线 | Menyokong. 支持。 |
| Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) 砂劳越保守党 | Menyokong. 支持。 |
| Persatuan Cina Sarawak (SCA) 砂劳越华人公会 | Menyokong. 支持。 |

2. Kesemua parti tersebut kecuali SUPP telah mengambil pendirian untuk menyertai Malaysia dengan bergabung membentuk Perikatan Sarawak. Perikatan Sarawak telah menyertai pilihan raya Majlis Daerah yang pertama.

全部政党除了砂拉越人联党（**SUPP**）结盟建立砂劳越联盟（**Perikatan Sarawak**）并摆出姿态以加入，马来西亚。砂劳越联盟参与第一次的区议会选举。

3. Keputusan pilihan raya Majlis Daerah yang diadakan pada tahun 1963 itu telah berpihak kepada Perikatan Sarawak yang menyokong Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia.

于 1963 年举办第一次的区议会选举结果赞成支持砂拉越人联党

4. Keputusan ini juga menunjukkan kesepakatan rakyat Sarawak untuk menyertai Persekutuan Malaysia.

这个结果显示砂劳越人民的同意加盟马来西亚。

F. Brunei 汶莱

1. Di Brunei, gagasan Persekutuan Malaysia pada awalnya mendapat reaksi yang positif daripada Sultan Omar Ali Saifuddin tetapi mendapat tentangan hebat daripada rakyatnya.

在汶莱，早期时，马来西亚联邦概念得到 **Omar Ali Saifuddin** 苏丹正面反应，可是他的人民激烈反对。

2. Rakyat Brunei telah terpengaruh dengan Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari. Beliau menyatakan Brunei akan menjadi tanah jajahan sekiranya menyertai Malaysia.

汶莱人民被 **A.M. Azahari** 带领的汶莱人民党影响。他指出如果汶莱加入马来西亚将成为殖民地。

3. Parti Rakyat Brunei kemudiannya membawa usul menentang gagasan Malaysia di Majlis Undangan Negeri Brunei tetapi gagal.

汶莱人民党 (**Parti Rakyat Brunei**) 过后把反对马来西亚概念的动议带到汶莱立法会可是失败。

4. Apabila gagal berbuat demikian, Parti Rakyat Brunei telah melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan Brunei.

当失败时，汶莱人民党对汶莱政府发动叛乱活动。

5. Namun, wakil kerajaan Brunei tetap menyertai rundingan sehingga ke saat-saat akhir pembentukan Malaysia.

然而，汶莱政府代表依然参与会谈直到成立马来西亚最后的时刻

6. Malangnya, masalah berkaitan hasil minyak dan giliran Sultan Brunei menjadi Yang di-Pertuan Agong masih tidak dapat diselesaikan menjelang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Akhirnya, pada bulan Julai 1963, Brunei menarik diri daripada menyertai Malaysia.

可惜，直到成立马来亚联邦，有关石油和汶莱苏丹成为最高元首的次序问题依然无法解决。最后，于 **1963** 年 **7** 月，汶莱退出马来西亚。

7. Pada umumnya, rakyat di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, dan Singapura menerima prinsip gagasan Malaysia. Walaupun pada peringkat awal terdapat beberapa tentangan terutamanya di Sabah dan Sarawak, namun penentangan ini adalah kerana sikap berhati-hati rakyat dan kurangnya pemahaman terhadap konsep gagasan Malaysia yang sebenarnya.

一般来说，马来亚，沙巴，砂劳越和新加坡人民接受马来西亚概念的原理。虽然，最初存有一些反对，尤其是在沙巴和砂劳越，但是这些反对是因为人民的谨慎的心态和对实际的马来西亚概念的理念缺乏理解。

8. Usaha JPPM dan penjelasan Tunku Abdul Rahman telah berjaya meyakinkan rakyat Sabah dan Sarawak. Melalui **JPPM** 的努力和东姑阿都拉曼的解释成功让沙巴和砂劳越人民有信心。

9. Rakyat Singapura juga menunjukkan kesepakatan mereka untuk menyertai Persekutuan Malaysia. 新加坡人民表示他们同意加入马来西亚联邦。

10. Pengunduran Brunei dari menyertai Persekutuan Malaysia menunjukkan kebebasan dalam menentukan masa depan negara sendiri.

汶莱退出马来西亚联邦显示有自由决定自己国家的未来。

Mesej Focus 资讯焦点

A M Azahari bercita-cita menubuhkan kerajaan Kalimantan Utara untuk mengembalikan kegemilangan Kesultanan Brunei. Beliau mendapat simpati dari pemimpin Indonesia dan Filipina yang menentang penubuhan Malaysia. A.M. Azahari secara sulit telah melatih Tentera Nasional Kalimantan Utara, iaitu tentera gerila di Kalimantan, Indonesia. Matlamat penubuhan pasukan tentera ini adalah untuk menawan negeri-negeri Borneo bagi membentuk kerajaan Kalimantan Utara. Sultan Brunei telah berjaya menumpaskan pemberontakan ini dalam masa seminggu dengan bantuan tentera British. A.M. Azahari telah melarikan diri ke Indonesia.

A M Azahari 立志要建立北加里曼丹政府以恢复汶莱苏丹国的光辉。他从反对成立马来西亚的印尼和菲律宾领导人那里得到同情。**A M Azahari** 秘密训练北加里曼丹国家军队，那就是印尼加里曼丹的游击队。建立这支军队的目的是为了要收复婆罗洲以建立北加里曼丹政府。汶莱苏丹得到英国的军事援助，在一星期内成功捣毁这场叛乱。**A.M. Azahari** 逃生到印尼。

7.2.2 Negara-negara Jiran 邻国

A. Indonesia 印尼

1. Reaksi Indonesia terhadap gagasan Malaysia pada mulanya begitu positif apabila Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio mengutuskan ucapan tahniah kerana usaha untuk menubuhkan Malaysia.

早期，印尼对马来西亚概念是正面的，当印尼外交部长 **Subandrio** 博士因为建立马来西亚的努力而致电祝贺。

2. Walaupun begitu, sikap Indonesia kemudiannya berubah apabila terpengaruh dengan dakyah Parti Komunis Indonesia (PKI).

尽管如此，印尼过后的态度转变，当收到印尼共产党（**PKI**）宣传的影响。

3. Pemimpin utama Indonesia yang terpengaruh dengan PKI menuduh Tanah Melayu sebagai neokolonialis yang dipergunakan oleh British untuk memperkukuhkan kuasanya di Asia Tenggara.

受 **PKI** 影响的印尼领导人指控马来亚是新殖民主义，是英国用来巩固它在东南亚势力的。

4. PKI tidak bersetuju dengan gagasan Malaysia kerana menyedari antara tujuan pembentukannya untuk menyekat fahaman komunis.

PKI 不同意马来西亚概念因为意识到马来西亚成立的目的是约束共产主义。

5. Penubuhan Persekutuan Malaysia juga bertentangan dengan hasrat Presiden Soekarno untuk membentuk Indonesia Raya yang menggabungkan Indonesia dengan Tanah Melayu.

马来西亚联邦的成立也与苏加诺（**Soekarno**）总统要合并印尼和马来亚建立大印度尼西亚帝国的愿望相反。

B. Filipina 菲律宾

1. Filipina merupakan negara jiran yang turut menentang gagasan Malaysia. Filipina mendakwa Sabah yang terlibat dalam pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai miliknya.

菲律宾是反对马来西亚概念的邻国。菲律宾指控参与马来西亚联邦的沙巴是属于它的。

2. Menurutnya, Sabah adalah sebahagian daripada Kesultanan Sulu. Oleh sebab Kesultanan Sulu pada masa itu sudah menjadi sebahagian daripada Filipina, maka Sabah perlu dikembalikan kepada mereka.

根据它说，沙巴是苏禄苏丹国的一部分。因为当时的苏禄苏丹国已经成为菲律宾的一部分，因此沙巴必须归还给他们。

3. British tidak melayan tuntutan Filipina kerana Sabah telah diserahkan kepada mereka. Laporan Suruhanjaya Cobbold dan Suruhanjaya PBB mengesahkan bahawa rakyat Sabah telah bersetuju untuk menyertai Malaysia.

英国不理菲律宾的要求因为沙巴已经移交给英国了。**Cobbold** 委员会和联合国委员会的报告证实沙巴人民同意加入马来西亚。

7.2.3 Reaksi Negara Barat 外国的反应

1. Reaksi Britain dan Amerika Syarikat juga begitu memberangsangkan. Kedua-dua kuasa besar ini menyokong gagasan Persekutuan Malaysia kerana bersesuaian dengan dasar ekonomi dan politik mereka. Kedua-dua kuasa besar ini juga menganggap gagasan Persekutuan Malaysia dapat mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura, dan Brunei.

英国和美国的反应也非常令人鼓舞。这两大势力支持马来西亚联邦概念因为适合它们的经济和政治政策。这两大势力也认为马来西亚联邦概念可以加速砂劳越，沙巴，新加坡和汶莱的独立。

2. Malah Britain sendiri menganggap gagasan Persekutuan Malaysia akan meluaskan perjanjian pertahanannya ke kawasan baru dalam gagasan Persekutuan Malaysia.

甚至英国本身认为马来西亚联邦概念将拓展它的防务协议马来西亚联邦新的领域。

3. Dengan itu, pengaruh komunis dapat disekat. Pada bulan November 1961, Britain telah memberi persetujuannya secara rasmi dalam satu pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman di London.

因此，共产党的影响力可以被阻止。于 1961 年 11 月，英国在伦敦的一次会议里正式同意东姑阿都拉曼的想法。

4. Britain juga bersedia untuk memberi kerjasama ke arah merealisasikan gagasan Malaysia.

英国也准备给予合作以实现马来西亚概念。

5. Secara keseluruhannya, negeri-negeri yang terlibat dengan gagasan Malaysia membuat pendirian secara demokrasi seperti referendum di Singapura dan pilihan raya Majlis Daerah di Sabah dan Sarawak.

总括来说，参与马来西亚概念的州属以民主的方式作出决断，比如新加坡的全民公投以及沙巴和砂劳越的区议会选举。

6. Ini menunjukkan bahawa Malaysia ditubuhkan secara demokrasi dan sekaligus menangkis tuduhan Indonesia yang mengatakan Malaysia sebagai neokolonialis.

这表示马来西亚是以民主的方式成立的，同时推翻印尼的指控说马来西亚是新殖民主义。

7. Tuntutan Filipina terhadap Sabah semakin tidak berasas apabila rakyat negeri itu sendiri memilih untuk menyertai Malaysia.

菲律宾对沙巴的要求越来越没有根据，当这个州属的人民自己选择加入马来西亚。

8. Gagasan Persekutuan Malaysia juga mendapat sokongan daripada kuasa-kuasa Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat.

马来西亚联邦概念也得到西方势力比如英国和美国的支持。

7.3 Perjanjian dan Perisytiharan Persekutuan Malaysia 马来西亚联邦协议和宣布成立

1. Beberapa langkah diambil ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia setelah Tunku Abdul Rahman mengemukakan cadangan gagasan Malaysia pada 27 Mei 1961 di Hotel Adelphi, Singapura.

7.3.1 Langkah ke Arah Pembentukan Malaysia 迈向马来西亚成立

1. Penubuhan JPPM pada bulan Julai 1961 bertujuan untuk memberi penerangan kepada pemimpin Sarawak dan Sabah. JPPM mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Cobbold.

于 1961 年 7 月成立 JPPM，目的是提供信息给砂劳越和沙巴的领导人。JPPM 建议成立 Cobbold 委员会。

2. Penubuhan Suruhanjaya Cobbold pada bulan Februari bertujuan untuk meninjau pandangan penduduk di Sarawak dan Sabah terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia. Laporan Suruhanjaya Cobbold mendapati rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia.

2 月成立 Cobbold 委员会的目的是调查砂劳越和沙巴人民对成立马来西亚联邦的意见。Cobbold 委员会的报告显示砂劳越和沙巴人民同意加入马来西亚联邦。

3. Seterusnya, Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan pada bulan Ogos 1962 untuk membincangkan hak dan kepentingan rakyat Sabah, Sarawak, dan Brunei untuk dimasukkan dalam perlembagaan. Laporan JAK menyatakan sebanyak 20 Perkara mengenai Sabah dan Sarawak perlu dimasukkan dalam perlembagaan.

之后，各政府间委员会（JAK）于 1962 年 8 月成立，为了讨论沙巴，砂劳越和汶莱人民的权利和利益以便纳入宪法。JAK 报告说明有关沙巴和砂劳越 20 条款需要纳入宪法。

4. Referendum atau pungutan suara diadakan di Singapura. Referendum ini bertujuan untuk meninjau pendapat penduduk Singapura. Hasil referendum tersebut menunjukkan penduduk Singapura bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia.

新加坡举办全民公投或者民意调查。全民公投的目的是为了调查新加坡人民的意见。这项全民公投结果显示新加坡人民同意加入马来西亚联邦。

5. Kesan daripada tuntutan Indonesia dan Filipina supaya PBB dilibatkan untuk meninjau semula pendirian rakyat Sarawak dan Sabah terhadap gagasan Malaysia, maka Suruhanjaya PBB telah dihantar di kedua-dua negeri tersebut. Suruhanjaya PBB mengesahkan bahawa rakyat Sarawak dan Sabah memang berhasrat menyertai Persekutuan Malaysia.

印尼和菲律宾要求联合国再次调查砂劳越和沙巴人民对马来西亚概念的立场，那么，联合国委员会就被派到这两个州。联合国委员会确定说明砂劳越和沙巴人民非常希望加入马来西亚联邦。

6. Akhirnya, pada 16 September 1963, perisytiharan Persekutuan Malaysia telah disempurnakan menandakan gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman dapat direalisasikan.

最后，于 1963 年 9 月 16 日，完成了马来西亚联邦宣布成立表示东姑阿都拉曼的想法可以实现。

| Tarikh 日期 | Peristiwa 事件 |
|--------------------------------|---|
| 27 Mei 1961 1961 年 5 月 27 日 | Gagasan Malaysia dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman. 东姑阿都拉曼建议马来西亚概念。 |
| Julai 1961 1961 年 7 月 | Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM). 马来西亚团结咨询委员会（JPPM）。 |

| | |
|---|---|
| Februari - April 1962 1962 年 2 月到 4 月 | Suruhanjaya Cobbold. Cobbold 委员会。 |
| Ogos 1962 1962 年 8 月 | Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK). 各政府间委员会 (JAK)。 |
| September 1962 1962 年 9 月 | Referendum Singapura. 新加坡全民公决。 |
| Ogos 1963 1963 年 8 月 | Suruhanjaya PBB. 联合国委员会。 |
| 16 September 1963 1963 年 9 月 16 日 | Perisytiharan Persekutuan Malaysia. 马来西亚联邦宣布成立。 |

7.3.2 Pengisytiharan Persekutuan Malaysia 宣布马来西亚联邦成立

1. Perkara utama dalam pembentukan Persekutuan Malaysia ialah penggubalan perlembagaan.

成立马来西亚联邦主要的事情是草拟宪法。

2. Berdasarkan laporan JPPM, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang akan digubal mestilah berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan hasil memorandum daripada rakyat Sarawak dan Sabah.

根据 JPPM 报告，马来西亚联邦宪法一定要以 1957 马来西亚联邦宪法以及砂劳越和沙巴人民的备忘录结果为基础。

3. Cadangan laporan JPPM telah memberi peluang kepada rakyat Sabah dan Sarawak melalui pemimpinnya mengemukakan pandangan tentang hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak.

JPPM 报告建议通过沙巴和砂劳越领导人给予人民机会提出有关沙巴和砂劳越人民权利和利益的意见。

4. JAK telah mengkaji dan meneliti Tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak. Hampir kesemuanya diberi pertimbangan sewajarnya.

JAK 审查和研究沙巴和砂劳越的 20 条款。几乎所有的都考虑在内。

5. Antara Tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak

沙巴和砂劳越的 20 条款

(a) Tiada agama rasmi dan kebebasan beragama.

没有官方宗教以及宗教自由。

(b) Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi.

英文作为官方语言。

(c) Imigresen di bawah kuasa kerajaan negeri.

入境事务是州政府的权力。

(d) Malaysia menjadi nama persekutuan.

马来西亚成为联邦的名字。

(e) Dasar pelajaran sedia ada dikekalkan.

保持原本的教育政策。

(f) Peruntukan kerusi parlimen.

国会的席位分配。

(g) Pelantikan ketua negeri oleh ratu British dan Yang di-Pertuan Agong.

州元首由英国女王和最高元首委任。

6. Laporan JAK kemudiannya mencadangkan Tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963.

JAK 报告过后建议沙巴和砂劳越的 **20** 条款被纳入 **1963** 马来西亚联邦宪法。

7. Penerimaan Tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak ini menunjukkan semangat toleransi yang tinggi dan keikhlasan kerajaan Tanah Melayu dalam merealisasikan Persekutuan Malaysia.

接受沙巴和砂劳越的 **20** 条款代表马来政府要实行马来西亚联邦里的宽容和诚意。

8. Perjanjian Persekutuan Malaysia ditandatangani pada 9 Julai 1963 di Malborough House, London. Antara kandungan penting Perjanjian Malaysia ialah:

马来西亚联邦协议于 **1963** 年 **7** 月 **9** 日在伦敦的 **Malborough** 府签署。其中马来西亚协议的内容是:

(a) Semua urusan hal ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan.

所有的外交事务成为联邦政府的责任。

(b) Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan.

回教是联邦宗教除了砂劳越和沙巴，可是可以自由信奉其他宗教。

(c) Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain boleh digunakan.

马来文是国家语言可是可以使用英文和其他语言。

(d) Bagi Sarawak dan Sabah, bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun Malaysia diisytiharkan.

对于砂劳越和沙巴，马来西亚宣布成立 **10** 年内，英文是官方语言。

(e) Sarawak dan Sabah diberi kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam.

给予砂劳越和沙巴权力处理入境事务和公务员事务。

(f) Rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu.

砂劳越和沙巴的原住民于马来西亚联邦的马来人拥有相同的地位。

9. Isi perjanjian tersebut kemudiannya dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dengan termeterainya perjanjian tersebut, maka gagasan Malaysia telah menjadi kenyataan.

这合约内容过后被纳入马来西亚联邦宪法。有了这份合约的签署，那么，马来西亚概念就成事实。

Mesej Focus 资讯焦点

Perlembagaan Malaysia mempunyai 15 bahagian. Setiap bahagian mempunyai perincian yang jelas mengenai sesuatu bahagian tersebut.

马来西亚宪法有 **15** 个部分。每一个部分对该部分都有详细的信息。

10. Setelah mengharungi pelbagai cabaran, akhirnya penubuhan Malaysia diisytiharkan dengan rasminya pada 16 September 1963.

经受各种挑战后，最后马来西亚正式于 1963 年 9 月 16 日宣布成立。

11. Peristiwa yang bersejarah ini telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri Malaysia di Stadium Merdeka. 这件历史性的事情在独立广场由马来西亚首相宣布。

12. Tunku Abdul Rahman telah membacakan Deklarasi Penubuhan Persekutuan Malaysia di hadapan DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sabah, dan Sarawak, menteri-menteri kabinet, diplomat asing, serta wakil-wakil kerajaan yang dijemput khas.

东姑阿都拉曼在最高元首，马来皇帝，檳城，马六甲，新加坡，沙巴和砂劳越总督，内阁部长，外国外交官以及特别邀请的政府代表面前读出马来西亚联邦的成立宣言（**Deklarasi**）。

13. Sebaik sahaja deklarasi selesai dibaca, dentuman 101 das tembakan meriam dan perkataan "merdeka" dilaungkan dengan penuh semangat sebanyak tujuh kali.

读完成立宣言之后，101 “怦”响的礼炮以及兴奋地呐喊“独立”7次。

14. Maka terbentuklah sebuah negara Persekutuan Malaysia yang berdaulat. Sarawak, Sabah, dan Singapura telah merdeka. Seperti yang tertera dalam jata negara 'Bersekutu Bertambah Mutu' yang bermakna bergabung akan membawa kekuatan, kemakmuran, dan kebaikan.

那么，就成立了独立的马来西亚联邦。砂劳越，沙巴和新加坡独立了。就好像国家徽章所印制的“联合提高质量”，意思是合并将带来力量，繁荣和好处。

7.3.3 Konfrontasi dan Perdamaian 冲突与和解

1. Reaksi kurang senang Indonesia dan Filipina terhadap gagasan Malaysia masih berterusan. Apabila pembentukan Persekutuan Malaysia diisytiharkan, kedua-dua negara jiran itu bukan sahaja enggan mengiktiraf Malaysia malah memutuskan hubungan diplomatik dengan negara kita.

印尼和菲律宾对马来西亚概念依然是不喜的反应。当宣布马来西亚联邦成立时，这两个邻国不但不承认马来西亚，而且还断绝与我国的外交关系。

2. Indonesia dan Filipina kemudiannya bertindak melancarkan konfrontasi, iaitu dasar menentang Persekutuan Malaysia.

印尼和菲律宾过后发起冲突，那就是反对马来西亚联邦的政策。

3. Antara akhir tahun 1963 hingga awal tahun 1964, Indonesia bertindak lebih agresif dengan mencerooboh beberapa kawasan di Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak, dan Sabah.

1963 年尾至 1964 年头，印尼更加偏激并侵略马来西亚半岛，砂劳越和沙巴几个地区。

Mesej Focus 资讯焦点

Indonesia melancarkan kempen 'Ganyang Malaysia' yang bermaksud meratah Malaysia secara mentah-mentah. Banyak tunjuk perasaan menentang penubuhan Malaysia diadakan di Indonesia. Beberapa

perkampungan di Sabah dan Sarawak telah diserang. Kemuncaknya, tentera gerila Indonesia telah mendarat di Labis, Johor.

印尼发起“粉碎马来西亚”运动，意思是活生生地撕碎马来西亚。印尼举行有很多对抗成立马来西亚的示威活动。沙巴和砂劳越有几个村子被攻击。巅峰时，印尼游击队在柔佛的 **Labis** 登陆。

4. Walaupun konfrontasi semakin sengit, pemimpin kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan Indonesia masih meneruskan usaha-usaha perdamaian.

Langkah ke arah perdamaian Malaysia-Indonesia 马来西亚-印尼迈向和解的措施

Rundingan Tidak Rasmi di Tokyo (Mei 1963)

东京非正式会谈（1963年5月）

Diadakan antara Tunku Abdul Rahman dengan Presiden Soekarno. Mencapai persetujuan untuk membawa isu konfrontasi ke sidang kemuncak di Manila yang melibatkan Malaysia, Indonesia, dan Filipina.

东姑阿都拉曼与苏加诺（**Soekarno**）总统之间举行。达成共识以便把冲突问题带到包括马来西亚，印尼和菲律宾马尼拉（**Manila**）首脑会议（**sidang kemuncak**）。

Sidang Kemuncak di Manila (Julai 1963)

在马尼拉的首脑会议（1963年7月）

Indonesia dan Filipina menuntut wakil PBB membuat tinjauan semula terhadap pendapat rakyat Sarawak dan Sabah untuk menyertai Malaysia. MAPHILINDO ditubuhkan.

印尼和菲律宾要求联合国再一次调查砂劳越和沙巴人民对加入马来西亚的意见。成立 **MAPHILINDO**。

Persidangan di Bangkok (Februari 1964)

在曼谷的会谈（1964年2月）

Malaysia yang diwakili oleh Tun Abdul Razak dan Indonesia oleh Dr Subandrio gagal mencapai kata sepakat berkenaan gencatan senjata yang menjadi agenda utama.

东姑阿都拉曼代表马来西亚和 **Subandrio** 博士无法达成主要议程上的停火协议。

Persidangan di Tokyo (Jun 1964)

东京会谈（1964年6月）

Pihak Indonesia masih enggan untuk mengundurkan tenteranya. Malah, Presiden Soekarno mengulangi tuduhannya bahawa Malaysia telah membelakangkan sidang kemuncak di Manila.

Presiden Soekarno menyatakan Indonesia tidak akan menyerang Malaysia sekiranya kerajaan Malaysia tidak wujud. Kegagalan persidangan di Tokyo menyebabkan Indonesia menambah tentera menceroboh Malaysia.

印尼还是不愿退兵。而且，苏加诺（**Soekarno**）总统重申他的指责说马来西亚无视马尼拉首脑会议。苏加诺总统声称印尼将不再攻打马来西亚，如果马来西亚并不存在。东京会谈的失败导致印尼增加攻打马来西亚的军队。

5. Di samping mengadakan rundingan perdamaian, Malaysia mengambil beberapa langkah untuk menghadapi konfrontasi daripada Indonesia dan Filipina.

除了举办和平会谈，马来西亚采取几项行动以面对印尼和菲律宾的冲突。

6. Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada ketika itu membuat bantahan rasmi terhadap pencerobohan tentera Indonesia di PBB.

Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman，当时的国内安全部长向联合国正式提出投诉以针对印尼的军事侵略。

7. Malangnya, PBB tidak dapat bertindak kerana Rusia yang mempunyai hubungan baik dengan Indonesia telah menggunakan kuasa vetonya untuk menghalang badan dunia itu melakukan sebarang tindakan ke atas Indonesia.

可惜，联合国无法采取行动因为与印尼关系良好的俄国动用它的否决权（**kuasa veto**）以阻止这个世界组织对印尼采取任何行动。

8. Untuk mempertahankan negara daripada pencerobohan tentera Indonesia, kerajaan telah menyusun semula Pasukan Pertahanan Tempatan (PPT) atau lebih dikenali sebagai Askar Wataniah. Rakyat menggembeng tenaga dengan kerajaan melalui penyertaan mereka dalam PPT.

为了保卫国家以免印尼军队的侵略，政府从新编排当地防御部队（**PPT**）或者被称为当地自卫队（**Askar Wataniah**）。人民通过参与 **PPT** 与政府共同努力。

9. Kerajaan Malaysia juga mendapatkan bantuan daripada negara-negara Komanwel. Britain, Australia, New Zealand, dan Kanada telah menghantar tenteranya untuk menghadapi pencerobohan Indonesia.

马来西亚政府也得到英联邦国的帮助。英国，澳洲，纽西兰和加拿大派军队以面对印尼的侵略。

10. Di sebalik keadaan yang semakin rumit, Persekutuan Malaysia yang baru dibentuk telah memperlihatkan perpaduan di kalangan rakyatnya.

尽管情况日益复杂，刚刚成立的马来西亚联邦已展现出它人民的团结。

11. Tindakan Indonesia memutuskan hubungan diplomatik dan melancarkan serangan ketenteraan ke atas Malaysia tidak sepatutnya berlaku. Lebih-lebih lagi, Malaysia merupakan negara jiran yang serumpun dan mempunyai hubungan sejarah yang lama dengan Indonesia.

印尼断绝外交关系和对马来西亚进行军事袭击的举动其实是不应该发生的。加上，马来西亚是印尼同盟的邻国并与印尼有历史悠久的关系。

12. Konfrontasi terhadap Persekutuan Malaysia semakin kendur apabila percubaan rampasan kuasa di Indonesia yang disokong oleh Parti Komunis Indonesia mengalami kegagalan. Peristiwa ini dikenali sebagai Gestapo 30 September.

对马来西亚联邦的冲突越来越呆滞，当印尼共产党（**Parti Komunis Indonesia**）支持在印尼发动的政变失败。这起事件被称为九三〇事件。

13. Presiden Soekarno telah digulingkan oleh Presiden Soeharto. Satu perjanjian damai antara Malaysia dan Indonesia ditandatangani pada bulan Ogos 1966 antara Tun Abdul Razak dengan Adam Malik.

苏加诺（**Soekarno**）总统被苏哈托（**Soeharto**）总统击败。马来西亚与印尼之间，敦阿都拉萨（**Tun Abdul Razak**）与 **Adam Malik** 于 1966 年 8 月签署一项和平协议。

14. Filipina telah mengiktiraf Persekutuan Malaysia lebih awal, iaitu pada bulan Jun 1966. Perubahan pucuk pimpinan di Filipina memulihkan hubungan dengan Malaysia. Tambahan pula, Laporan Suruhajaya Cobbold dan Suruhanjaya PBB mengesahkan rakyat Sabah bersetuju untuk menyertai Malaysia.

菲律宾比较早承认马来西亚联邦，那就是于 1966 年 6 月。菲律宾领导层的变化恢复和马来西亚的关系。此外，**Cobbold** 委员会和联合国委员会的报告证实沙巴人民同意加入马来西亚。

3.4 Pemisahan Singapura 新加坡脱离

1. Penyertaan Singapura dalam Persekutuan Malaysia telah membawa banyak masalah. Singapura benar-benar menjadi 'duri dalam daging' kepada Malaysia.

新加坡加入马来西亚联邦带来许多的问题。对于马来西亚，新加坡真的成为肉里的一根刺。

2. Banyak isu sensitif dibangkitkan oleh Singapura yang meretakkan hubungan baik dengan kerajaan pusat. Isu-isu tersebut menjadi antara faktor utama pemisahan Singapura daripada Malaysia.

新加坡提起很多破坏与中央政府的良好关系的敏感话题。这些话题成为新加坡脱离马来西亚主要的因素。

3. Salah satu faktor pemisahan Singapura dari Malaysia disebabkan oleh masalah ekonomi. Dalam hal ini, Singapura menuntut keistimewaan cukai daripada kerajaan pusat. Singapura juga menuntut agar statusnya sebagai pusat perindustrian, perdagangan, dan pelabuhan bebas tidak disaingi oleh kerajaan pusat.

其中一个新加坡脱离马来西亚的因素是经济问题。在这起事件中，新加坡向中央政府要求收税的特权。新加坡也要求以便它的地位是中央政府都无法媲美的工业中心，贸易中心和自由港口。

4. Singapura diberi beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berbeza berbanding dengan negeri-negeri lain. Misalnya:

比起其他州，新加坡被给予不同的马来西亚联邦宪法条款。比如：

(a) Singapura diberi kuasa menggubal dasar pelajaran dan buruhnya sendiri.

给予新加坡自己草拟教育和劳工政策的权力。

(b) Singapura dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi.

允许新加坡以英文为官方语言。

(c) Taraf pelabuhan bebas Singapura dikekalkan.

保持新加坡为自由港口的地位。

(d) Singapura dibenarkan menggunakan kerakyatan yang berasingan dan lebih longgar.

允许新加坡使用个别和比较宽松的公民资格。

5. 'Keistimewaan' yang diberikan kepada Singapura ini membawa kesan buruk kepada Malaysia khususnya terhadap perpaduan penduduk.

给予新加坡的特权给马来西亚带来不良的影响，尤其是人民团结的部分。

6. Konsep Malaysian Malaysia yang dilaung-laungkan oleh pemimpin Singapura turut menjadi faktor Singapura dipisahkan daripada Malaysia.

新加坡领导人宣称的马来西亚人的马来西亚观念也是新加坡脱离马来西亚的因素。

Mesej Focus 资讯焦点

Konsep Malaysian Malaysia menuntut hak sama rata untuk semua rakyat Malaysia tanpa merujuk latar belakang sejarah negara. Konsep ini menafikan institusi raja dan menentang hak istimewa orang Melayu dan bumiputera.

马来西亚人的马来西亚观念要求所有马来西亚人民在不参考国家的历史背景下拥有同样的权利。

这个观念否定君主制，反对马来人和原住民的特权。

7. Pertikaian Parti Perikatan-PETIR merupakan satu lagi faktor pemisahan Singapura. PETIR menuduh MCA tidak mewakili kepentingan kaum Cina. PETIR bertanding menentang Parti Perikatan dalam pilihan raya pada tahun 1964 di Semenanjung Malaysia.

联盟党（Parti Perikatan）和人民行动党（PETIR）发生争议是其中一个新加坡分离的因素。PETIR 指控马华（MCA）并不代表华人的利益。于 1964 年在马来西亚半岛的选举 PETIR 与联盟党竞争逐鹿。

8. PETIR dan pemimpinnya, Lee Kuan Yew sering mempertikaikan peruntukan yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Lee Kuan Yew ingin mengambil alih peranan parti MCA yang mewakili kaum Cina.

PETIR 和它的领导人，李光耀常常争议马来西亚宪法载明的条款。李光耀想要接管 MCA 代表华人的任务。

9. Faktor pemisahan Singapura yang seterusnya ialah berlakunya rusuhan kaum akibat kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin PETIR yang membangkitkan sentimen perkauman.

接下来，新加坡分离的因素是 PETIR 领袖提出挑起种族情绪的事实，导致发生种族动乱。

10. Rusuhan kaum yang berlaku di Singapura membimbangkan kerajaan pusat kerana boleh merebak ke negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia.

在新加坡发生的种族动乱让中央政府担心因为会蔓延到马来西亚联邦的其他州。

11. Berdasarkan faktor tersebut, akhirnya Tunku Abdul membuat keputusan menyingkirkan Singapura dari Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965.

根据这些因素，最后东姑阿都拉曼决定新加坡于 1965 年 8 月 9 日脱离马来西亚联邦。

12. Tindakan menyingkirkan Singapura bukanlah satu keputusan yang mudah tetapi demi untuk memastikan keharmonian, keselamatan, dan perpaduan rakyat Malaysia, Tunku Abdul Rahman terpaksa bertindak tegas dalam hal ini. Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika itu menyifatkan pemisahan Singapura seperti menyingkirkan duri dalam daging.

新加坡脱离的举动不是一项容易的决定，可是为了确保和谐，治安和马来西亚人民团结，东姑阿都拉曼作为当时的副首相形容新加坡脱离就比如消除肉里的刺。

Mesej Focus 资讯焦点

Keputusan pemisahan Singapura dari Malaysia diambil oleh Tunku Abdul Rahman ketika beliau di London pada tahun 1965. Ketika itu, Tunku Abdul Rahman bercuti selama 53 hari bagi mendapatkan rawatan perubatan di London. Lee Kuan Yew dan parti pimpinannya enggan bertolak ansur dengan kerajaan Malaysia pimpinan Tunku Abdul Rahman.

新加坡从马来西亚分离的是东姑阿都拉曼于 1965 年在伦敦做出的决定。当时，东姑阿都拉曼放假长达 53 天以在伦敦进行治疗。李光耀和他率领的政党不愿和东姑阿都拉曼率领的马来西亚政府妥协。